

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**MAJLIS DAERAH JEMPOL**

**KENYATAAN TAWARAN**

| No Sebut Harga     | Keterangan   | Gred/Katogeri/<br>Pengkhususan   | Harga Dokumen | Tarikh Tutup Sebutharga       |
|--------------------|--|--|---------------|-------------------------------|
| MDJL<br>IF/01/2018 | Cadangan Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Di Jalan Bandar Seri Jempol 3 & 6, Bandar Seri Jempol Serta Kerja-kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam Daerah Jempol, NSDK | <b>Gred G2</b><br>(Bumiputera)<br><br><b>Kategori</b><br>CE-Pembinaan<br>Kejuruteraan Awam<br><br><b>Pengkhususan</b><br>CE01- Pembinaan<br>Jalan Dan Pavement | RM 50.00      | <b>24/04/2018</b><br>(Selasa) |

Dokumen sebutharga boleh disemak dan diperolehi daripada Bahagian Jabatan Kejuruteraan Pejabat Majlis Daerah Jempol mulai dari **18hb. April 2018 Rabu**). Dokumen sebutharga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan sehari (1 hari) sebelum tarikh tutup sebutharga seperti ternyata. Sebarang penjualan borang adalah tertakluk kepada pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas perolehan kerajaan sebanyak 6%.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draft hendaklah atas nama **Yang Dipertua, Majlis Daerah Jempol** dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Daerah Jempol pada waktu pejabat. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

**Lawatan tapak** akan diadakan pada **17hb. April 2018 (Selasa)** pada jam **10.00 pagi** dan **pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Daerah Jempol sebelum 9.00 pagi untuk pendaftaran. Pendaftaran di tapak tidak dibenarkan.**

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **24hb. April 2018 (Selasa)**. Sila lampirkan salinan Sijil Pendaftaran GST bersama dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi bagi yang memiliki sijil tersebut

Pemborong yang tidak menghadiri lawatan tapak, secara automatik tidak akan di keluarkan borang kepada yang berkenaan. Pemborong dikehendaki membawa "surat- surat pendaftaran "asal" beserta salinan-salinannya ketika membeli Dokumen Sebutharga.

Majlis Daerah Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagai nya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.

#### **SYARAT-SYARAT SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK**

1. Pemborong adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol sahaja.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak .**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil "asal" PPK dan CIDB semasa lawatan tapak.
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum memulakan lawatan tapak.
5. Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera **Gred G2** yang **berdaftar dengan Majlis Daerah Jempol pada tahun 2018** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga tersebut.

Tarikh Pengiklanan

9 April 2018



.....  
**(ROSTAM BIN OMAR)**

Jurutera

b.p. Yang Dipertua

**Majlis Daerah Jempol.**